

28/12/1999

PM ajak umat Islam bersatu

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

JITRA, Isnin - Umat Islam diminta bersatu semula dengan melupakan semua perselisihan dan permusuhan akibat perbezaan politik ketika pilihan raya umum ke-10 baru-baru ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sempena Ramadan yang mulia umat Islam perlu mengambil kesempatan untuk bermaafan dan memupuk semula perpaduan.

Beliau berkata, pilihan raya adalah proses untuk menentukan kerajaan dan selepas keputusan dicapai semua pihak perlu bersatu semula dan melupakan perasaan benci serta marah.

"Sebaliknya kita jalinkan semula hubungan baik dengan semua orang Islam dan ahli khariah.

"Sempena Ramadan, kita perlu bersatu dengan menunaikan berbuka puasa bersama dan sembahyang fardhu serta tarawih berjemaah untuk menyembuhkan kembali luka dan kecederaan pada diri, hati serta peribadi ketika berkempen pilihan raya," katanya pada majlis berbuka puasa dengan penduduk Parlimen Kubang Pasu, di Masjid Kampung Naga, di sini hari ini.

Hadir sama, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar, Datuk Syed Razak Syed Zain.

Dr Mahathir juga meminta penyokong parti membersihkan dan menanggal sepanduk, poster serta bendera parti yang dipasang sebelum pilihan raya bagi mengurangkan ketegangan dan perselisihan.

Beliau berkata, adalah lebih baik supaya rakyat menjadi masyarakat tanpa sepanduk, bendera serta poster bagi memudahkan mereka bertegur sapa dan merapatkan semula hubungan.

Katanya, ia penting kerana kewujudan bendera dan sepanduk seolah-olah menunjukkan rakyat mahu mengekalkan permusuhan sesama sendiri.

"Sebelum ini ada ketegangan dan permusuhan kerana sokongan kepada parti. Ketika pilihan raya, kita mengeluarkan kata-kata kesat sesama sendiri sehingga berlaku perpecahan dalam masyarakat, termasuk di kampung.

"Tanpa pilihan raya, masyarakat kita bersatu padu. Selepas pilihan raya tidak perlu lagi kita bermusuhan, sebaliknya kembali bersatu padu.

"Sebagai orang Islam, kita menganggap orang Islam lain sebagai saudara. Kita harus ingat bahawa walaupun parti berlainan, kita sebenarnya Islam dan orang Islam itu bersaudara seperti yang dituntut agama," katanya Perdana Menteri juga meminta umat Islam insaf dengan keamanan yang wujud di negara ini sehingga membolehkan mereka menunaikan ibadah berpuasa tanpa gangguan.

Katanya, berbanding dengan setengah negara lain, umat Islam terpaksa berpuasa dalam suasana ketegangan dan peperangan.

Beliau juga mengulas mengenai kemerosotan undi majoriti daripada 17,226 undi pada pilihan raya 1995 kepada 10,138 undi di Kubang Pasu pada pilihan raya lalu.

Dr Mahathir berkata beliau tidak marah dengan kira-kira 7,000 pengundi yang tidak menyokongnya kali ini, sebaliknya bersyukur kerana menang pada pilihan raya itu.

Terdahulu, Dr Mahathir yang tiba di Alor Star kira-kira jam 3.30 petang membeli-belah pelbagai kelengkapan menyambut Hari Raya, termasuk kuih tradisional, songkok dan capal, di Kompleks Pekan Rabu.

Beliau yang diiringi Dr Siti Hasmah dan Syed Razak juga sempat membeli juadah berbuka puasa di sekitar Pekan Rabu dan Pasar Ramadan di pekarangan Stadium Darulaman.

(END)